

Pasangan Gold Diamond
Solha Binti Husin
Mohd Nabil B Ab Rahman

 雙鶴 SHUANG HOR



GOLD DIAMOND
RENCANA KHAS
Julai 2021





Profil
**Gold
Diamond**

Solha Binti Husin

Mohd Nabil B Ab Rahman

Perkembangan di Shuang Hor:

11hb Januari 2010: Menyertai Shuang Hor

Januari 2011: Vice Manager

Mei 2011: Senior Vice Manager

Januari 2015: Special Vice Manager

Oktober 2016: Diamond

Julai 2017: Double Diamond

September 2019: Triple Diamond

November 2020: Gold Diamond

Tempat tinggal: Petaling Jaya, Malaysia



Sedekad yang Luarbiasa untuk Masa Depan yang Luarbiasa

Menjalankan perniagaan jualan langsung adalah suatu perkara yang tidak pernah sebelum ini terlintas di fikiran Gold Diamond Solha dan Mohd Nabil.

Mungkin kerana tidak ada pendedahan tentang peluang yang ada atau mungkin kerana menyangka mereka sudah miliki sumber pendapatan yang cukup untuk menyediakan sebuah kehidupan yang sejahtera, menjadi seorang usahawan, apatah lagi usahawan jualan langsung, adalah satu kerjaya yang tak pernah dipertimbangkan oleh mereka selama ini.

Jadi apabila ditanya apakah status Gold Diamond adalah kejayaan yang mereka jangkakan 10 tahun lalu, kedua-kedua individu ini tertawa sambil menjawab "tidak sama sekali".

Walaupun tidak pernah menjangka boleh mencapai status tertinggi di dalam perniagaan ini, kejayaan ini memberi mereka satu kepuasan hati yang tidak terhingga. Lanya seolah-olah telah berjaya membuktikan kepada diri mereka sendiri bahawa keputusan yang diambil 10 tahun lalu adalah satu keputusan yang tepat dan diberkati oleh tuhan.

Pasangan Gold Diamond ini menganggap anugerah ini sebagai motivasi kepada mereka untuk lebih giat membantu para ahli dalam rangkaian mereka terutama dalam meyakinkan prospek masing-masing tentang keistimewaan kualiti produk mahupun kehebatan reputasi syarikat serta perniagaan Shuang Hor.

Mereka juga bercadang untuk lebih banyak berkongsi kejayaan menikmati keselesaan hidup tanpa kekangan wang, masa dan kesihatan supaya boleh membakar semangat mereka yang ingin turut berjaya dalam perniagaan Shuang Hor ini.

Produk Shuang Hor Sebagai Magnet Perniagaan

Faktor utama yang menarik minat pasangan Gold Diamond ini terhadap perniagaan Shuang Hor ialah produknya

Mereka percaya produk Shuang Hor benar-benar dapat memenuhi keperluan kesihatan manusia hari ini. Fungsinya yang pelbagai adalah merupakan sebab utama mengapa produk Shuang Hor boleh menjadi solusi kesihatan kepada semua orang. Pada pendapat mereka, adalah sangat berbaloi jika menjadikan produk Shuang Hor satu alternatif perubatan kerana selain mempunyai jaminan keselamatan dan keberkesanan yang saintifik, produk Shuang Hor juga mempunyai jaminan HALAL.

Pengalaman membaikpulih kesihatan anak lelaki mereka yang menghidap alahan kulit dan asthma yang kronik (tanpa kesan negatif) telah meyakinkan mereka untuk terus mengamalkan produk Shuang Hor sebagai perubatan di rumah dalam usaha mencegah penyakit dan mengekalkan kesihatan yang optima.

Bak kata pepatah, "biarlah makanan dimakan sebagai ubat, dan janganlah ubat dimakan sebagai makanan". Berdasarkan pengalaman peribadi mereka sendiri selama 10 tahun serta testimoni-testimoni kesihatan pengguna lain, pasangan ini bersetuju bahawa produk Shuang Hor adalah contoh makanan berkhasiat seperti yang dimaksudkan dalam pepatah tersebut.



Keluar dari Zon Selesa untuk Mencapai Kejayaan

Mengimbu kembali kehidupan sebelum bertemu dengan produk dan perniagaan Shuang Hor, Gold Diamond Solha menganggap dirinya sebagai individu yang lemah dari berbagai aspek terutama dari segi kebolehan mengurus masa dan stress. Beliau juga mempunyai sejarah keluarga yang menghidap Rheumatoid Arthritis, iaitu sejenis penyakit autoimun. Simptom penyakit ini sudahpun dialaminya sebelum menyertai Shuang Hor. Jadi, jika 10 tahun lalu beliau mengabaikan peluang yang ditawarkan oleh Shuang Hor, hampir pasti beliau hari ini sedang menjalani kehidupan yang sama, tapi dengan jalan cerita yang semakin sukar, terutama dari segi kesihatan dan pekerjaan.

Menurut Gold Diamond Mohd Nabil pula, secara keseluruhannya, kehidupan mereka sekarang adalah dalam kawalan mereka. Rupanya, usaha mencari kesihatan yang semakin hilang telah menghasilkan satu pendapatan yang lumayan serta kebebasan masa, dua ganjaran tambahan yang tidak ternilai harganya.

Beliau mengakui bahawa sebaik sahaja stigma pesakit hipertensi terpadam daripada dalam dirinya, keyakinannya terhadap diri sendiri semakin bertambah dan ini membantu beliau menjadi seorang yang lebih optimistik dalam segala hal. Bila sudah menjadi optimistik, segala yang dahulunya dianggap mustahil kini tidak lagi difikirkan mustahil. Selagi ada keyakinan diri yang kuat, kita pasti mampu mencapai segala impian yang diimpikan. Sesungguhnya, seorang menjadi hebat apabila berani mengejar impian.



Pada pendapat pasangan Gold Diamond ini, kemahiran utama yang wajib dikuasai di dalam perniagaan ini ialah kebolehan bersabar dengan karenah pelanggan. Untuk mahir, mereka harus merendahkan ego serta meraikan perbezaan pendapat. Ini sangat sukar dilakukan pada mulanya kerana dalam pekerjaan mereka terdahulu, mereka sudah terbiasa dengan komunikasi bersifat arahan, samada memberi atau mendengar arahan. Komunikasi sebegini sudah pasti tidak sesuai diamalkan kerana perniagaan jualan langsung adalah berteraskan pendidikan tanpa ada unsur penalti.

Strategi yang digunakan bagi mendapatkan kesabaran yang tinggi ialah dengan cara mengalih tumpuan dengan melakukan perkara lain untuk beberapa ketika. Strategi ini didapati sangat berkesan kerana apabila ianya sering dipraktikkan, tahap toleransi mereka berjaya ditingkatkan daripada sebelum ini. Yang menariknya, pendekatan bertenang seketika itu juga berjaya merubah sikap pelanggan mereka yang turut bertukar menjadi lebih positif serta bertimbangrasa.

Walau kadangkala mereka merasa sudah agak terlewat untuk memulakan satu kerjaya baru tatkala di pertengahan usia, perasaan ini segera dilupakan dengan mengingatkan kembali trauma menguruskan anak yang sakit, tanpa ilmu kesihatan yang betul dan tanpa kewangan yang mencukupi. Kenangan pahit itu lah yang sentiasa dijadikan sebagai api yang membakar semangat mereka untuk tidak menyerah kalah dalam perniagaan ini. Demi menghadapi ujian sakit pada masa akan datang, mereka mahu sentiasa mampu melaluinya dengan lebih bersedia. Mereka sangat gembira kerana perniagaan Shuang Hor menyediakan platform yang dapat memberikan kemampuan yang mereka inginkan itu (wang, masa dan ilmu kesihatan).




Melakar Kejayaan dengan Gabungan komunikasi dan teknologi

Pasangan Gold Diamond ini turut berkongsi cara bagaimana mereka menguruskan rangkaian mereka. Menurut mereka, sejak dari awal sehinggalah hari ini, komunikasi melalui telefon (aplikasi SMS/whatsapp/telegram), sangat-sangat dipraktikkan oleh mereka dengan sepenuhnya. Inilah strategi tambahan mereka yang telah dikuasai dengan baik oleh mereka. Mereka menganggap kemahiran ini sangat membantu mengekalkan kesetiaan dan menambahkan keyakinan ahli mereka terhadap produk dan perniagaan Shuang Hor.

Memang pada mulanya agak sukar untuk memberi penerangan yang jelas secara bertulis, tetapi oleh kerana aktiviti ini sentiasa dilakukan tanpa jemu, akhirnya ianya telah menjadi satu aset yang sungguh istimewa kepada mereka. Selain dapat memberi kefahaman yang lebih jelas dan tepat kepada ahli, penerangan secara bertulis ini berjaya memberi gambaran profesional terhadap personaliti kedua Gold Diamond ini kepada ahli mereka.

Keadaan ini dapat dihasilkan apabila sikap profesional ditonjolkan dalam teks yang dihantar ke kumpulan whatsapp/telegram. Manakala format teks yang lebih santai dan mesra diberikan kepada mana-mana ahli yang menghubungi mereka secara peribadi. Perbincangan dalam kumpulan juga sentiasa dipantau oleh mereka untuk memastikan semua teks atau mesej yang dikongsi adalah maklumat yang hanya bertujuan untuk meningkatkan kefahaman ahli tentang ilmu kesihatan dan produk/perniagaan Shuang Hor.

Disebabkan medium menggunakan aplikasi telefon ini memang telah lama diamalkan sejak di awal penglibatan mereka, tempoh berkurung di rumah sejak 2020 sehingga hari ini, sangat-sangat memberi kelebihan kepada perkembangan perniagaan mereka. Pada pendapat mereka, ini lah juga faktor utama yang membantu mempercepatkan lagi kejayaan mereka mencapai status Gold Diamond tatkala pandemik melanda negara.



Duplikasi adalah Kunci Perniagaan Jualan Langsung

Apabila ditanya apakah ada perubahan dari segi taktik yang dilakukan sebaik sahaja mencapai status tertinggi di Shuang Hor, mereka terdiam sejenak kemudian menjawab "tidak" dengan penuh keyakinan.

Menurut Gold Diamond Solha, resipi kejayaan perniagaan Shuang Hor ialah apabila aktiviti perniagaan ini dapat ditiru dengan mudah oleh setiap ahli. Jadi strateginya ialah dengan meneruskan aktiviti yang sama supaya kemahiran itu dapat dipindahkan kepada atau ditiru dengan mudah oleh setiap ahlinya. Dengan kata lain, untuk terus kekal berjaya dalam perniagaan jualan langsung, kita tidak seharusnya melakukan perubahan yang ketara dalam menjalankan aktiviti yang biasa dijalankan selama ini, walaupun pencapaian tertinggi sudahpun dikecapi.

Inilah sebenarnya kelebihan menjalankan perniagaan jualan langsung. Untuk berjaya dalam perniagaan ini ialah kita mesti mahir melakukan aktiviti ulangan. Apabila kemahiran ini dimiliki, kejayaan yang dikecapi nanti adalah suatu kejayaan yang memberi kita suasana pekerjaan yang semakin mudah untuk dilakukan. Konsep kerja yang semakin mudah akan memberi kita kebebasan masa untuk menikmati hidup dengan lebih bermakna. Bukankah kebebasan masa adalah impian kita selama ini? Menggunakan masa tanpa kekangan wang dan kesihatan?



Status Gold Diamond menurut mereka, adalah simbol yang menggambarkan kematangan dan kebijaksanaan seseorang. Menjadi matang dan bijaksana harus selamanya terus dipupuk tanpa ada tarikh luput.

Maka apabila status ini telah berjaya dicapai, tanggungjawab yang harus dipikul ialah sentiasa memastikan kematangan dan kebijaksanaan itu dimanfaatkan kepada seluruh ahli keluarga Shuang Hor.

Walau pun telah mencapai status tertinggi di Shuang Hor, masih ada beberapa ruang yang boleh ditambahbaik. Antaranya ialah menambah jumlah pendapatan mereka setiap bulan serta kualiti masa yang diberikan kepada diri sendiri serta kepada ahli keluarga mereka. Demi mencapai matlamat tersebut, perkara utama yang mereka akan tumpukan ialah dalam aspek pengurusan masa. Menurut mereka ini boleh dilakukan jika mereka lebih berdisiplin dalam mengatur jadual harian mereka disamping bijak menyusun prioriti hidup, dua kemahiran yang diakui belum lagi sempurna dikuasai oleh mereka.

Akhir sekali, pasangan ini berkongsi tiga kata-kata semangat yang telah sentiasa menjadi mantra mereka sepanjang perjalanan mencapai kejayaan di Shuang Hor.

1. Buat baik dibalas baik

Adakalanya kita sangat berkira-kira untuk melakukan sesuatu yang di luar kewarasan orang biasa. Namun, ingatlah selalu hukum alam ini. Segala kelakuan baik yang kita lakukan, pasti akan ada balasan baik diganjarakan kepada kita. Kalau bukan terus sampai kepada kita, pasti akan sampai juga kepada orang-orang yang kita sayang. Yakinlah dengan janji Tuhan dan lakukan sahaja kebaikan tanpa terlalu berkira-kira.

2. Kesihatan adalah kekayaan

Mulakan perjalanan mencari kekayaan material atau spiritual dengan memiliki kesihatan yang baik. Kekayaan tidak boleh dinikmati dan dihargai dengan selesa apabila kesihatan sudah hilang dalam genggaman. Orang sihat boleh fikir cara untuk cari kekayaan tetapi orang tidak sihat hanya akan fikirkan cara bagaimana mencari kesihatan yang hilang. Maka, letakkan kesihatan di atas carta paling tinggi dalam senarai mencari kebahagiaan.

3. Mengabaikan fakta, tidak akan mengubah fakta

Ramai orang suka mengaku yang mereka tidak ada kefahaman tentang kesihatan. Ramai orang juga suka mengaku yang mereka tidak sedar bahawa kesihatan diri sudah semakin merosot. Ketahuilah, tidak peduli tentang kesihatan tidak boleh mencegah kita daripada jatuh sakit. Kita akan jatuh sakit jika tidak melakukan tindakan pencegahan mulai sekarang. Ini fakta. Jadi belajarliah untuk faham kesihatan dan prihatin tentang keadaan kesihatan diri supaya tindakan pencegahan segera diambil demi untuk kekal sihat hingga hujung usia.

Pada kesempatan ini, pasangan Gold Diamond Solha dan Mohd Nabil mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada individu-individu berikut diatas jasa mereka menggerakkan mereka dari tidur yang lena atau telah membantu mereka untuk keluar dari satu kitaran hidup yang kejam.

Muhamad Hazim



Anak lelaki mereka yang dahulunya sangat sakit dan sekarang sudah menikmati kesihatan yang lebih baik. Beliaulah yang menjadi sebab untuk pasangan ini mengakui kesilapan lalu dan bertindak untuk tidak lagi mengulangi kesilapan yang sama. Tanpa adanya masalah kesihatan yang dialami, pasti pasangan Gold Diamond ini pastinya masih terperangkap berada dalam zon selesa yang pada hakikat sebenarnya, semakin tidak selesa. Tidak dilupakan kepada Aishah Nur Dayana dan Ahmad Syahid kedua anak yang sangat disayangi, dengan cara mereka yang tersendiri telah memberi sokongan padu di sepanjang Gold Diamond Solha dan Mohd Nabil meniti perjalanan menuju kejayaan di Shuang Hor.



Pasangan Double Diamond Norliza dan Noorafudin

Pasangan guiding upline sentiasa bersedia untuk dijadikan rujukan dan bukti tentang kebahagiaan sebenar yang ada dan boleh dicapai di Shuang Hor.



Pasangan Triple Diamond Hashlina dan Harunarrashid Ishak

Pasangan upline mereka yang tidak pernah jemu dan putus asa membantu pasangan Gold Diamond ini dalam memahami dan meyakini produk dan perniagaan Shuang Hor.

Seluruh para pemimpin dan ahli dalam rangkaian Gold Diamond Solha dan Mohd Nabil.

Mereka semua telah menjadi pemangkin kepada kejayaan mereka selama ini. Tanpa kepercayaan dan kerjasama berterusan yang telah diberikan oleh mereka, pasangan Gold Diamond Solha dan Mohd Nabil percaya bahawa mereka tidak mungkin berjaya sampai ke garisan penamat ini dengan rasa penuh kepuasan dan kesyukuran.



